

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL
KAWASAN : SUNGAI PETANI

SOALAN:

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan butiran terperinci berhubung dengan Penilaian Kesan Trafik (TIA) bagi enam lebuh raya yang akan dibina di Selangor, iaitu Lebuh Raya Bertingkat Jinrara-Damansara (KIDEX), Lebuh Raya Sungai Besi-Ulu Klang (SUKU), Lebuh Raya Serdang-Kinrara-Putrajaya (SKIP), Lebuh Raya Lembah Klang Timur (EKVE), Lebuh Raya Damansara-Shah Alam (DASH) dan Lebuh Raya Pantai Barat (LBP).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penilaian Kesan Trafik (TIA) ialah laporan awam yang perlu disediakan pihak pembida sesuatu konsesi lebuhraya baru.

Laporan TIA ini dilaksanakan oleh juru perunding trafik yang dilantik oleh pihak pembida konsesi dan ia perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat untuk tujuan kelulusan Kebenaran Merancang (DO). Perkara ini selaras dengan peruntukan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 di mana sesuatu pembangunan tidak boleh dimulakan sebelum menerima kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Sehubungan itu, status dan maklumat laporan TIA untuk cadangan lebuhraya-lebuhraya yang baru di Negeri Selangor boleh dirujuk dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dengan cadangan jajaran sesebuah lebuhraya baru itu.

Sekian. Terima kasih.